

NANOMALAYSIA BERHAD LANCAR BUKU PANDUAN ANTI RASUAH

KUALA LUMPUR, 18 FEBRUARI 2022 - Kumpulan Syarikat NanoMalaysia Berhad (NMB) hari ini melancarkan buku panduan Rancangan Anti Rasuah dalam Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan, OACP) 2021 - 2025 yang mencerminkan usaha syarikat dalam mencegah sebarang bentuk rasuah daripada berlaku dalam perkhidmatan pentadbiran NMB.

OACP merupakan inisiatif yang diwajibkan di bawah Pelan Anti Rasuah Nasional di mana kementerian, agensi dan syarikat berkaitan kerajaan dikehendaki mengenal pasti isu-isu rasuah, tadbir urus dan integriti. Mereka kemudiannya perlu mengambil langkah-langkah bagi memastikan kejayaan pelaksanaan OACP.

Menurut laporan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International 2021, Malaysia berada pada kedudukan ke-62 daripada 180 buah negara berhubung dengan rasuah di sektor awam.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), NMB bertindak sebagai sebuah entiti perniagaan yang diamanahkan dengan aktiviti pengkomersialan dan perindustrian nanoteknologi menerusi model pembangun usaha sama. NMB juga menjadi agensi kelima di bawah MOSTI yang menerbitkan OACP. Buku panduan ini dihasilkan bersama dengan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan menyediakan garis panduan kepada pihak pengurusan dan warga kerja dalam memastikan sistem pentadbiran yang cekap, telus, bersih dan berintegriti.

Pengerusi Kumpulan NMB, Prof Emeritus Dato' Ir Dr Mohamad Zawawi bin Ismail berkata rasuah dan nilai-nilai negara tercabar apabila penerima rasuah tidak dapat membezakan antara dosa dan pahala dan tidak mengendahkan amanah dan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka.

"Rasuah boleh menyebabkan kehilangan peluang perniagaan selain menjejaskan reputasi syarikat. Secara jangka panjang, amalan rasuah memberi kesan kepada kemajuan dan pembangunan negara. Ini adalah bertentangan dengan nilai teras dan misi NMB untuk memajukan landskap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2025."

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan NMB, Dr Rezal Khairi Ahmad pula berkata bahawa buku panduan ini akan menjadi sumber yang berguna bagi semua warga NMB dalam mengiktiraf keperluan membangunkan dan melaksanakan program etika dan pematuhan anti rasuah yang kukuh.



Sebagai pesanan kepada warga NMB, beliau menambah: "Saya akan memastikan buku ini dapat memberi panduan kepada kita dalam melaksanakan tanggungjawab harian dengan penuh integriti, telus dan bertanggungjawab. Sikap ini perlu menjadi pegangan setiap orang terutamanya pada peringkat pelaksanaan dan penutup projek serta dalam perjanjian komersial dengan pihak-pihak luar."

Buat masa ini terdapat 50 salinan buku panduan yang dicetak untuk agihan dalaman. E-buku panduan juga disediakan dan boleh dimuat turun melalui laman web NMB (www.nanomalaysia.com.my).

Tentang NanoMalaysia Berhad

NanoMalaysia Berhad telah ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk bertindak sebagai sebuah entiti perniagaan yang diamanahkan dengan aktiviti pengkomersialan dan perindustrian nanoteknologi menerusi model pembangun usaha sama. Nanoteknologi terus memainkan peranan menyediakan penyelesaian yang efisien dan dipertingkatkan bagi pelbagai aplikasi termasuklah untuk kehidupan pintar, pembuatan pintar, pertanian, peranti elektronik serta tenaga dan persekitaran. NanoMalaysia percaya bahawa "Internet of Nano-Things" atau IoNT akan menjadi pemacu teras bagi revolusi Industri ke-4 dan menjadi pemangkin perubahan termaju dalam industri, perniagaan dan masyarakat.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Audra Jeyaraj di 012 691 5024 atau writemedia@gmail.com atau Poon Li-Wei di 012 391 2028 atau poonliwei.media@gmail.com.